

TARIKH IKLAN : 1 September 2022



JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN

KENYATAAN SEBUTHARGA




Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 030401 serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:

BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	LAWATAN TAPAK/ TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP/MASA
1.	PPN.Pk. (S) 112/2022 (SILV)	Menjalankan Kerja-kerja Membekal Peralatan dan Kelengkapan Kerja Luar ke Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tiada lawatan tapak / taklimat diadakan	Tarikh : 12 September 2022 (Isnin) Tempat : Seksyen Silvikultur & Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : 19 September 2022 (Isnin) Masa : 12.00 Tengahari

1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebutharga ini adalah **diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat sebutharga** sepertimana ketetapan di dalam kenyataan sebutharga.
2. Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalinan** :
 - a) **Kad Pengenalan pemilik syarikat;**
 - b) **Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan**
 - c) **Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).**
3. Kehadiran ke sesi lawatan tapak adalah **diwajibkan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)** dalam menyokong usaha membendung penularan wabak COVID-19.
4. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **12 September 2022 (Isnin)** sehingga **sebelum tutup Sebutharga** pada waktu pejabat di Seksyen Silvikultur & Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
5. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** bagi sebut harga bernilai RM200,000.00 ke bawah atau **RM 50.00 senaskhah** bagi sebut harga bernilai RM200,000.00 ke atas kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos** atau **Bank Deraf** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai tidak akan diterima**. Semasa pembelian dokumen Sebutharga, penama juga **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan bersama Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tahun semasa.
6. Penama-penama atau wakil-wakilnya juga diminta untuk mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal yang masih Aktif** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan **Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak**.
7. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada **19 September 2022 (Isnin)** pada jam **12.00 tengahari**.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH PERAK DARUL RIDZUAN**


SITI DESYAMA BINTI ISNANI
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan